

**HUBUNGAN ANTARA GAYA PEMBELAJARAN KOLB DAN BENTUK GAYA  
BERFIKIR STERNBERG DALAM KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN  
TEKNIKAL**

**YEE MEI HEONG**

**GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK  
NO. VOT 0644**

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

## ABSTRAK

Gaya pembelajaran dan gaya berfikir memainkan peranan penting dalam pendidikan tinggi untuk mengenali diri dan kekuatan seseorang individu dalam pembelajaran serta menjadi ransangan bagi perkembangan dalam pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara Gaya Pembelajaran Kolb dan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar Tahun 1, 2, 3 dan 4 yang mengambil program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Seramai 230 orang pelajar telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan kuantitatif. Satu set soal selidik yang diterjemah daripada Inventori Gaya Pembelajaran Kolb (2000) dan Inventori Gaya Berfikir Sternberg-Wagner (1997) telah digunakan sebagai instrumen kajian untuk pengumpulan data. Data mentah daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai gaya pembelajaran jenis Pemusatan (*Converger*), diikuti dengan Penyesuaian Diri (*Accomodator*), Asimilasi (*Assimilator*) dan Pencapahan (*Diverger*). Bentuk gaya berfikir jenis Oligarki (*Oligarchy*) paling banyak dimiliki oleh pelajar. Ini diikuti dengan bentuk gaya berfikir jenis Monarki (*Monarchic*), Anarki (*Anarchic*) dan Hierarki (*Hierarchic*). Hasil analisis ujian kolerasi Cramer V juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg pada keertian,  $\alpha = .05$ . Selain itu, keputusan analisis data ujian Kruskal-Wallis H menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keempat-empat jenis Gaya Pembelajaran Kolb ke atas keempat-empat jenis Bentuk Gaya Berfikir Sternberg.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Rancangan Malaysia Ke-9 akan menjelaskan hasrat Misi Nasional dalam pembangunan modal insan untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, dan inovatif bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan. Berdasarkan pegangan ini setiap pelajar dapat meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa (Unit Perancang Ekonomi JPM, 2006).

Usaha ini adalah untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, intelektual dan sosial, meningkatkan kreativiti, inovasi dan budaya ilmu pelajar serta menyediakan sistem pendidikan yang lebih cekap, berkesan dan bertaraf dunia (Bahagian Perancang dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006).

Justeru itu, langkah perlu diambil adalah untuk memperkembangkan potensi setiap pelajar dan memperbaiki sistem pendidikan masa kini. Walau bagaimanapun masalah yang timbul ialah setiap pelajar menunjukkan perbezaan individu yang amat nyata. Dengan ini, sistem pendidikan haruslah memberi perhatian serius terhadap perbezaan individu dan memberi peluang kepada anak-anak untuk meningkatkan potensi mereka dengan sepenuhnya (Jantan, R. *et.al*, 2002).

Penekanan terhadap perbezaan individu ini sangat penting untuk menyediakan sistem pendidikan yang dapat mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai dengan

pelajar. Dengan cara ini, potensi pelajar dapat dibangunkan secara menyeluruh dan bakat yang dimiliki oleh pelajar tidak disia-siakan. Kebelakangan ini, pemimpin pendidikan mula mengakui betapa pentingnya mengambil kira proses pembelajaran dan cara atau gaya individu belajar sebagai kunci usaha meningkatkan kualiti pendidikan. Ini bererti antara cabaran utama institusi pendidikan masa ini adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar mereka dan gaya pengajaran pengajar yang sepadan dengan gaya pembelajaran mereka (Joseph, 2000).

Menurut Saad (2004), pembelajaran ialah proses pemerolehan ilmu, pengetahuan dan sikap. Ia melibatkan cara baru untuk melaksanakan sesuatu kerja dengan cubaan untuk mengatasi rintangan yang ada. Oleh itu, pembelajaran ialah perubahan tingkah laku yang progresif kerana ia melibatkan pengolahan cara individu menerima maklumat dan pengetahuan baru.

Pembelajaran boleh berlaku melalui pelbagai cara kerana cara pengamatan dan pemerolehan maklumat yang berlaku dalam manusia adalah berbeza-beza (Joseph, 2000). Seseorang individu hanya boleh melihat sesuatu secara konkrit manakala seseorang individu boleh melihat sesuatu secara abstrak. Ini bermakna setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri.

Gaya pembelajaran merujuk kepada pola-pola memproses informasi yang mewakili cara tertentu seseorang membuat persepsi, berfikir, mengingat kembali dan menyelesaikan masalah (Narayanasamy, 2000). Gaya pembelajaran menonjolkan unsur kognitif individu memproses maklumat yang mereka pelajari dan mengolah maklumat tersebut menggunakan gaya berfikir mereka.

Kaedah pengajaran yang pelbagai perlu digunakan oleh pengajar supaya setiap proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan pelajar dapat belajar dengan menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka. Maka pelajar harus mengenal pasti gaya pembelajaran yang disukainya supaya ia dapat membantu mereka belajar dengan lebih berkesan lagi dan meningkatkan pencapaian akademik mereka (Saad, 2004).

Walau bagaimanapun, gaya berfikir juga merupakan dimensi penting dalam proses pembelajaran. Ruggiero (2004) mentakrifkan pemikiran sebagai aktiviti mental

yang dapat merumuskan atau menyelesaikan masalah, membuat keputusan, memenuhi keinginan untuk memahami sesuatu, mencari jawapan dan mencari makna. Banyak aktiviti mental yang merangkumi proses berfikir termasuk pemerhatian yang teliti, mengingat, membayangkan, menjelaskan, menilai, dan memilih sesuatu yang lebih penting. Namun begitu, pemikiran setiap individu adalah berbeza. Pemikiran juga banyak mempengaruhi keputusan dan kehidupan seharian.

Sebagai contoh, gaya berfikir dominan pengajar akan mempengaruhi cara pengajarannya manakala gaya berfikir dominan pelajar akan mempengaruhi proses pembelajarannya. Ini bermakna kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan sekiranya gaya berfikir individu tersebut bersepadanan dengan gaya pembelajarannya (Amir *et al.*, 2007).

Dalam mengenalpasti gaya pembelajaran, para penyelidik mendapati bahawa terdapat kaitan antara gaya pembelajaran dengan gaya berfikir. Edward de Bono (2000) mengaitkan gaya berfikir dengan pemikiran lateral yang membawa maksud bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah, malahan juga berfikir untuk melihat sesuatu berdasarkan pelbagai perspektif dan sudut untuk menyelesaikan masalah.

Gaya berfikir adalah penting baik bagi pelajar mahupun bagi pengajar. Seorang pengajar yang baik perlu memahami gaya berfikir dan hubungannya dengan tingkah laku agar dapat memberi maklumat dalam membuat persediaan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung (Yu, 2002). Menurut Jones & Reid (2007), memahami gaya berfikir pelajar akan dapat membantu pengajar menjadi lebih efektif dan menjalankan aktiviti di dalam kelas yang dapat memenuhi kehendak gaya berfikir pelajar mereka. Seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran pengajar dan pencapaian akademik pelajar.

Pencapaian akademik yang cemerlang merupakan penentuan pemahaman seseorang terhadap proses pembelajaran. Secara tidak langsung, pencapaian ini akan menentukan masa depan yang lebih gemilang. Oleh itu, untuk merealisasikan hasrat tersebut, suasana pembelajaran yang kondusif adalah amat penting (Mohamad Zakaria, 2007). Aspek gaya pembelajaran dan gaya berfikir harus diberi tumpuan bagi

merealisasikan Misi Nasional dari segi pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, dan inovatif bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Misi Nasional yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ke-9 menyatakan bahawa untuk memacu ekonomi berasaskan pengetahuan, modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, dan inovatif perlu dibangunkan. Sehubungan dengan itu, setiap pelajar dapat meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diikuti selama ini harus dapat menjana pemikiran pelajar ke arah minda yang kreatif, inovatif dan produktif.

Aktiviti yang dijalankan sama ada di bilik darjah, di makmal atau di luar bilik darjah seharusnya dapat memupuk kemahiran-kemahiran berkenaan, namun realitinya para lulusan universiti yang dihasilkan kurang kreatif dan kurang daya saing dalam menghadapi cabaran kerjaya dan kehidupan. Malaysia masih jauh ke belakang untuk menjadi sebuah masyarakat saintifik dan progresif dalam bidang pendidikan bertaraf antarabangsa telah merupakan cabaran kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Malaysia amnya. (Shamsuddin, 2005).

Justeru itu, sistem pendidikan perlulah dikaji semula agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa dan memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial (Shamsuddin, 2005). Aspek utama yang perlu diambil berat adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai mengikut kepadanan dengan gaya pembelajaran dan gaya berfikir pelajar.

Secara umumnya, gaya pembelajaran antara setiap pelajar adalah berbeza. Begitu juga dengan pencapaian akademik mereka. Menurut Ikhasan & Sapar (2007), masalah untuk mengaplikasikan gaya pembelajaran yang bersesuaian dan berkesan banyak berlaku dalam kalangan pelajar yang baru memasuki institut pengajian tinggi. Kebanyakan daripada mereka tidak menyedari tentang gaya pembelajaran yang

bersesuaian untuk diaplikasikan di dalam proses pembelajaran. Sekiranya gaya pembelajaran yang sebenar diamalkan secara langsung ia akan dapat membantu para pelajar untuk menyusun strategi yang berkesan dalam proses pembelajaran mereka.

Jadual 1.1 menunjukkan analisis dokumen Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi keputusan akademik pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknik dan Vokasional (BBV) Semester satu Sesi 2008/2009.

Berdasarkan keputusan pencapaian akademik pelajar BBV bagi semester 1 sesi 2008/2009, jelas menunjukkan perbezaan pencapaian akademik pelajar mengikut tahun pengajian dan pengambilan pelajar.

Jadual 1.1 : Keputusan akademik pelajar BBV bagi semester 1 sesi 2008/2009 mengikut tahun pengajian dan pengambilan pelajar

Keputusan Akademik	Tahun Pengajian							
	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3		Tahun 4	
	M	D	M	D	M	D	M	D
Kepujian Kelas Pertama	1 (3.03%)	-	-	2 (2.25%)	14 (7.78%)	5 (8.62%)	7 (7.37%)	2 (4.17%)
Kepujian Kelas Kedua (Tinggi)	32 (96.97%)	-	24 (96.00%)	84 (94.38%)	160 (88.89%)	53 (91.38%)	88 (92.63%)	43 (89.58%)
Kepujian Kelas Kedua (Rendah)	-	-	1 (4.00%)	3 (3.37%)	6 (3.33%)	-	-	3 (6.25%)
Kepujian Kelas Ketiga	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>33</b>	<b>-</b>	<b>25</b>	<b>89</b>	<b>180</b>	<b>58</b>	<b>95</b>	<b>48</b>

Petunjuk : M = pelajar lepasan Matrikulasi

D = pelajar lepasan Diploma

Walaupun data menunjukkan perbezaan pencapaian akademik antara pelajar, tetapi ia tidak menunjukkan bahawa pelajar tersebut tidak pandai atau lemah dalam pembelajaran. Masalah yang berlaku adalah pelajar tersebut tidak mengamalkan gaya pembelajaran dan gaya berfikir yang bersesuaian dengan kekuatan mereka (Md. Noor, 2000).

Untuk mencapai hasrat Misi Nasional dalam membangunkan modal insan, Md. Noor, (2000) menegaskan bahawa pengajar perlu membantu pelajar untuk mengasah bakat yang dimiliki oleh pelajar-pelajarnya. Ini kerana pelajar yang mengenal pasti gaya

pembelajaran dan gaya berfikir sendiri dapat mengikuti sesuatu pembelajaran dengan lebih baik dan memahami proses pemikiran dengan jelas.

Dengan mengenali gaya pembelajaran dan gaya berfikir yang dimiliki, seseorang individu lebih memahami kekuatan dan kelemahan diri justeru memperbaiki diri dari segi akademik dan kehidupan. Justeru, sistem pendidikan perlulah memperkayakan amalan pengajaran dan pembelajaran di setiap tahap tidak kira sama ada sekolah rendah, sekolah menengah atau pengajian tinggi untuk melayan gaya pembelajaran dan gaya berfikir pelajar yang berbeza-beza (Joseph, 2000).

Oleh itu, para pelajar perlu didedahkan dengan pengetahuan gaya pembelajaran dan gaya berfikir supaya wujudnya keseimbangan antara pembelajaran pelajar dengan pengajaran guru. Pengetahuan tentang gaya pembelajaran pelajar penting bagi pelajar untuk menimba pengalaman baru serta mencungkil potensi dan memperkembangkan kekuatan pelajar di samping membantu mereka ke arah kerjaya bersesuaian dengan kecenderungan mereka (Joseph, 2000). Manakala pengetahuan tentang gaya berfikir pelajar penting bagi pelajar memproses maklumat dan melihat sesuatu dari pelbagai sudut untuk membantu mereka memahami pembelajaran dan menyelesaikan masalah (Edward, 2000).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah yang dibincangkan, para pendidik dan pelajar harus memberi penekanan ke atas gaya pembelajaran dan gaya berfikir kerana kedua-dua aspek ini menjadi kayu ukur untuk sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Kesedaran tentang pentingnya interaksi antara gaya pembelajaran dan gaya berfikir dapat membantu pihak universiti dan pensyarah menyediakan persekitaran dan kaedah mengajar yang lebih sesuai dengan kecenderungan pelajar (Baharin Abu *et al.*, 2007). Selain itu, gaya pembelajaran dan gaya berfikir juga dapat membantu para pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri serta



mampu mengecapi kecemerlangan dalam akademik mahupun kehidupan. Para pelajar hendaklah menyedari perbezaan tersebut dan berusaha memperkembangkan potensi diri serta memperbaiki kelemahan yang dikesan. Maka, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pola Gaya Pembelajaran Kolb dan pola Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajarBBV di Fakulti Pendidikan Teknikal. Selain itu, hubungan dan perbezaan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg juga akan dikenal pasti.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Antara objektif kajian adalah:

- 1.4.1 Mengetahui pola Gaya Pembelajaran Kolb dalam kalangan pelajar BBV berdasarkan jantina, tahun pengajian, pengambilan pelajar, status sosioekonomi dan pencapaian akademik.
- 1.4.2 Mengetahui pola Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV berdasarkan jantina, tahun pengajian, pengambilan pelajar, status sosioekonomi dan pencapaian akademik.
- 1.4.3 Mengetahui hubungan yang signifikan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV.
- 1.4.4 Mengetahui perbezaan yang signifikan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV.

## 1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian adalah:

- 1.5.1 Apakah pola Gaya Pembelajaran Kolb dalam kalangan pelajar BBV berdasarkan jantina, tahun pengajian, pengambilan pelajar, status sosioekonomi dan pencapaian akademik?
- 1.5.2 Apakah pola Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV berdasarkan jantina, tahun pengajian, pengambilan pelajar, status sosioekonomi dan pencapaian akademik?
- 1.5.3 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV?

## 1.6 Hipotesis kajian

Hipotesis kajian adalah seperti berikut,

### **Persoalan Kajian 3 :**

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV?

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV.

### **Persoalan Kajian 4 :**

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV?

Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang memerlukannya. Antara kepentingan kajian terhadap golongan sasaran penyelidik adalah:

### **1.7.1 Pelajar**

Inventori Gaya Pembelajaran Kolb (LSI) memperjelaskan gaya pembelajaran pelajar manakala Inventori Gaya Berfikir Sternberg (TSI) pula memperjelaskan gaya berfikir yang digunakan pelajar. Hasil kajian ini dapat membantu pelajar untuk mengesan kekuatan dan kelemahan diri serta memperkembangkan potensi yang sudah sedia ada. Selain itu, pelajar juga dapat menggunakan maklumat ini untuk mempelajari kaedah-kaedah pembelajaran yang sesuai dan berkesan. Dengan ini, pelajar dapat mengasah bakat dan potensi, memilih kerjaya dengan tepat dan berjaya dalam akademik serta kehidupan.

### **1.7.2 Pensyarah**

Hasil kajian ini dapat membantu pensyarah mengenal pasti pola gaya pembelajaran dan pola gaya berfikir pelajar. Pensyarah mampu memilih strategi pengajaran yang bersesuaian dengan pola gaya pembelajaran dan pola gaya berfikir pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Pensyarah juga dapat menyediakan rancangan pengajaran yang memenuhi keperluan pelajar. Dengan ini, pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan lancar dan seronok di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### 1.7.3 Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek)

Maklumat yang diperolehi dapat digunakan sebagai input tambahan untuk fakulti. Hasil kajian ini membantu fakulti untuk membina satu garis panduan untuk para pensyarah dalam mengenal pasti hubungan antara gaya pembelajaran dan gaya berfikir pelajar untuk dijadikan rujukan. Selain itu, maklumat ini dapat membantu proses pembelajaran pelajar serta melahirkan pelajar yang cemerlang.

### 1.7.4 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Hasil kajian ini dapat diaplikasikan kepada setiap fakulti yang terdapat di dalam Universiti Tun Hussein Onn Malaysia agar pencapaian pelajar dapat dipertingkatkan dan potensi setiap pelajar dapat diasah.

### 1.7.5 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)

Maklumat yang diperolehi dapat dijadikan sebagai panduan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk merangka sistem pendidikan untuk universiti-universiti yang terdapat di seluruh Malaysia. Hasil kajian ini juga dapat membantu untuk mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara dalam memperkembangkan potensi setiap individu secara menyeluruh.

## 1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.8.1 Responden kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Tahun 1, 2, 3 dan 4 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

- 1.8.2 Gaya pembelajaran yang dikaji dalam kajian ini adalah Gaya Pembelajaran Kolb (1976).
- 1.8.3 Gaya berfikir difokuskan kepada empat Bentuk Gaya Berfikir Sternberg (1997), iaitu:
- (i) Monarki
  - (ii) Hierarki
  - (iii) Oligarki
  - (iv) Anarki

## 1.9 Batasan Kajian


Batasan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.9.1 Persepsi dan kejujuran responden sewaktu menjawab soal selidik merupakan batasan kepada kajian ini.
- 1.9.2 Batasan masa merupakan satu faktor yang mempengaruhi penyelidikan yang dijalankan. Ini kerana masa selama enam bulan daripada setahun tempoh penyelidikan diperuntukkan untuk mengutip data adalah singkat. Masa yang lebih panjang diperlukan untuk menterjemahkan dan mengesahkan instrumen kajian.

## 1.10 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini menggunakan Teori Gaya Pembelajaran Kolb (1976) dan Teori Bentuk Gaya Berfikir *Mental Self-Government* Sternberg (1997) sebagai teori asas. Rajah 1.1 memperihalkan kerangka konsep kajian secara grafik. Inventori Gaya Pembelajaran

Kolb (1976) dan Gaya Berfikir Sternberg (1997) digunakan untuk mengenal pasti pola gaya pembelajaran dan pola bentuk gaya berfikir dalam kalangan pelajar BBV berdasarkan jantina, tahun pengajian, pengambilan pelajar, status sosioekonomi dan pencapaian akademik. Hubungan dan perbezaan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir juga dikenal pasti.



**Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian**

## 1.11 Definisi Istilah

Takrifan-takrifan istilah yang diterangkan dalam bahagian ini merupakan istilah-istilah yang bersesuaian dengan konteks kajian ini sahaja. Antaranya adalah seperti:

### 1.11.1 Pola

Merujuk Kamus Dewan (2008), pola membawa maksud corak, contoh dan model. Dalam kajian ini, pola adalah merujuk kepada pola gaya pembelajaran dan pola bentuk gaya berfikir.

### 1.11.2 Gaya Pembelajaran

Menurut Shafie & Alias (2007), gaya pembelajaran adalah kecenderungan seseorang pelajar kepada sesuatu cara, perlakuan atau aksi dalam proses pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, penyelidik mengklasifikasikan gaya pembelajaran pelajar kepada empat jenis yang dibincangkan dalam Model Gaya Pembelajaran Kolb (1976), iaitu:

- (i) Penyesuaian Diri (*Accomodator*)
- (ii) Pencapahan (*Diverger*)
- (iii) Asimilasi (*Assimilator*)
- (iv) Pemusatan (*Converger*)

### 1.11.3 Gaya Berfikir

Sternberg (1997) menyatakan gaya berfikir mempunyai empat dimensi bentuk pendekatan dalam melakukan kerja atau menyelesaikan tugas. Setiap dimensi mempunyai bentuk gaya berfikir yang berbeza mengikut individu. Dalam konteks kajian ini, bentuk gaya berfikir adalah merujuk kepada Bentuk Gaya Berfikir Sternberg (1997), iaitu Monarki, Hierarki, Oligarki dan Anarki.

## 1.12 Rumusan Bab

Penyelidikan ini bertujuan mengenal pasti hubungan dan perbezaan antara Gaya Pembelajaran Kolb dengan Bentuk Gaya Berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar BBV di Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia berasaskan kepada Model Gaya Pembelajaran Kolb (1976) dan Teori *Mental Self-Government* Sternberg (1997).



## **BAB 2**

### **SOROTAN PENULISAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab ini dikemukakan tinjauan ke atas bahan-bahan penyelidikan dan kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Antaranya ialah gaya pembelajaran, gaya berfikir dan kajian lepas berkaitan dengan gaya pembelajaran dan gaya berfikir.

#### **2.2 Gaya Pembelajaran**

Gaya pembelajaran bukan sahaja bermaksud keupayaan seseorang dalam memproses maklumat tetapi juga bermaksud perbezaan individu dalam memproses dan mengorganisasi maklumat (Kolb, 1984).

Felder & Silverman (1988) menerangkan bahawa terdapat empat dimensi dalam gaya pembelajaran. Empat dimensi ini mengklasifikasikan pelajar mengikut :

- i. Pemprosesan (*Active-Reflective*).
- ii. Persepsi (*Sensing-Intuitive*).
- iii. Input (*Visual-Verbal*).

iv. Pemahama (*Sequential-Global*).

Pelajar yang mempunyai dimensi gaya pembelajaran '*Active*' mudah belajar apabila bekerja dengan *hands on* dan dalam satu pasukan, dimensi '*Reflective*' lebih suka memikir secara mendalam dan bekerja sendiri, dimensi '*Sensing*' cenderung memahami fakta dan data, dimensi '*Intuitive*' cenderung memahami konsep dan formula, dimensi '*Visual*' belajar melalui penglihatan dan banyak menggunakan mata, dimensi '*Verbal*' belajar melalui perkataan dan banyak mendengar, dimensi '*Sequential*' suka belajar secara tersusun dan teratur serta dimensi '*Global*' suka belajar secara keseluruhan dan bersistem.

Honey & Mumford (1992) menyatakan bahawa gaya pembelajaran terdiri daripada empat tahap iaitu :

- i. *Activist*.
- ii. *Reflector*.
- iii. *Theorist*.
- iv. *Pragmatist*.

Falsafah pengamal "*Activist*" adalah "Saya ingin sangat mencubanya", falsafah pengamal "*Reflector*" adalah "berhati-hati", falsafah pengamal "*Theorist*" adalah "Jika ia logik, maka ia boleh digunakan" dan falsafah "*Pragmatist*" pengamal adalah "Jika kaedah itu berguna, maka ianya baik".


Dunn & Dunn (1999) menyenaraikan beberapa faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar termasuk :

- i. Pesekitaran (bunyi, cahaya, suhu dan reka bentuk).
- ii. Emosional (motivasi, bertanggungjawab, kecekalan dan berstruktur).
- iii. Sosiologikal (rakan sebaya, pasangan, kumpulan dan dewasa).
- iv. Fizikal (persepsi indera, pemakanan, masa dan mobiliti).
- v. Psikologikal (analitik/global dan refleksi diri).

### 2.3 Teori Gaya Pembelajaran Kolb (1976)

Kolb (1984) menerangkan bahawa dalam kitaran pembelajaran yang lengkap terdiri daripada empat peringkat. Selain itu, setiap individu mempunyai empat kategori kepintaran yang berbeza iaitu pengalaman konkrit (*concrete experience, CE*), pemerhatian reflektif (*reflective observation, RO*), pengkonsepsian abstrak (*abstract conceptualization, AC*) dan pengujikajian aktif (*active experimentation, AE*). Kolb meringkaskan empat kategori kepintaran ini dalam empat perkataan iaitu :

- i. Perasaan (*feeling/sensing*) sebagai CE.
- ii. Penglihatan (*watching*) sebagai RO.
- iii. Pemikiran (*thinking*) sebagai AC.
- iv. Perbuatan (*doing*) sebagai AE.



Rajah 2.1: Model Gaya Pembelajaran Kolb (1976)

Kolb (1984) menghasilkan Inventori Gaya Pembelajaran (*Learning Style Inventory*, LSI) untuk membolehkan seseorang individu mengenal pasti gaya pembelajaran diri sendiri. Beliau merumuskan teorinya dalam dua dimensi iaitu Pengalaman konkrit-Pengujikajian aktif dan Pengkonsepsian abstrak-Pemerhatian reflektif. Dimensi Pengalaman konkrit-Pengujikajian aktif menerangkan bagaimana seseorang individu memahami maklumat baru atau pengalaman baru manakala dimensi Pengkonsepsian abstrak-Pemerhatian reflektif pula menerangkan bagaimana seseorang individu memproses dan menjelmakan maklumat yang diterima.

Dari dimensi tersebut, Kolb (1984) mengenal pasti empat dominan jenis gaya pembelajaran iaitu Penyesuaian Diri (*Accommodator/Activists*), Pencapahan (*Diverger/Reflectors*), Pemusatan (*Converger/Pragmatists*) dan Asimilasi (*Assimilator/Theorists*) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1. Penyesuaian Diri adalah gabungan AE dan CE, Pencapahan adalah gabungan CE dan RO, Pemusatan adalah gabungan AC dan AE manakala Asimilasi adalah gabungan AC dan RO.

Menurut Healey & Jenkins (2000), Teori Gaya Pembelajaran Kolb merupakan teori pendidikan dalam pelbagai peringkat pendidikan yang terkenal. Kolb menghasilkan Inventori Gaya Pembelajaran (LSI) untuk membolehkan seseorang individu mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai atau dimiliki (Friedman *et. al*, 2002). Inventori Gaya Pembelajaran (LSI) merupakan satu instrumen yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Willcoxson & Prosser, 1996).

Menurut Healey & Jenkins (2000), terdapat lapan kekuatan Teori Gaya Pembelajaran Kolb disenaraikan seperti berikut :

- i. Menyediakan petunjuk untuk aplikasi.
- ii. Menjuruskan kita untuk memastikan bahawa terdapat pelbagai kaedah pengajaran dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ; menyediakan teori rasional berkaitan perkara yang telah kita lakukan sebagai pengajar dan menunjukkan kaedah memperbaikinya secara praktik (cara tertentu dengan memastikan hubungan yang efektif antara teori dan aplikasi).

- iii. Menjelaskan kepentingan menggalakkan pelajar kita untuk memberi maklum balas dan menyediakan maklum balas kepada mereka untuk mengukuhkan proses pembelajaran mereka.
- iv. Menyokong dalam pembangunan kelas secara menjurus kepada pencapaian.
- v. Membuat kita sedar bahawa gaya pembelajaran yang berbeza perlu dikombinasikan supaya pembelajaran menjadi efektif.
- vi. Sedia untuk digunakan dalam semua bidang, bermula dengan latihan manual makmal hingga ke analisis dalam landskap.
- vii. Sedia untuk digunakan secara individu atau berkumpulan.
- viii. Sedia untuk digunakan secara meluas dari satu sesi kelas atau pengajaran di sekolah hingga satu program ijazah di universiti.


Penyelidikan Kolb (1984) mendapati bahawa terdapat dua cara utama bagaimana seseorang individu belajar. Dua cara tersebut adalah cara mengamati "*perceive*" dan cara memproses "*process*" sesuatu maklumat dan pengalaman. Sila rujuk Rajah 2.2.

- i. Cara Mengamati

Dua cara mengamati maklumat dan pengalaman:

- a. Cara Konkrit - Mengamati maklumat dan pengalaman dengan menggunakan deria.
- b. Cara Abstrak - Mengamati maklumat dan pengalaman dengan memikir, membuat analisis dan taakulan.

Menurut Kolb (1984), pada kebiasaannya seseorang individu mengamati sesuatu secara bersambung "*continuum*" dari konkrit ke abstrak. Suatu pembelajaran yang berkesan. Namun begitu, terdapat pelajar yang hanya belajar secara konkrit atau secara abstrak. Walaubagaimanapun, terdapat juga individu yang belajar secara kedua-duanya.



**Rajah 2.2: Model Gaya Pembelajaran Kolb (1984) : Bagaimana cara manusia mengamati dan memproses maklumat**

ii. Cara Memproses

Dua cara memproses maklumat dan pengalaman untuk menjadikan pengalaman yang dipelajari sebagai pengalaman sendiri.

- a. Aktif - Membuat dan mencuba sesuatu.
- b. Reflektif - Melihat apa yang berlaku kemudian memikirkannya

Kolb (1984) dalam Teori Pembelajaran Melalui Pengalaman menyatakan bahawa pengalaman konkrit/pengkonsepsian abstrak dan pengujikajian aktif/pemerhatian reflektif adalah dua dimensi yang berbeza, setiapnya mewakili dua kategori bertentangan orientasi pengadaptasian. Abstrak/konkrit merupakan '*prehension*', mewakili dua proses berbeza dan bertentangan dalam mendapatkan pengalaman sama ada melalui penggantungan kepada tafsiran konsep dan gambaran simbolik, proses yang dikenali sebagai '*comprehension*' atau melalui penggantungan kepada sesuatu yang nyata dan suasana pengalaman sedia ada, proses yang dikenali sebagai '*apprehension*'.

Bagi aktif/reflektif pula merupakan perubahan, mewakili dua cara bertentangan dalam mengubah pengalaman yang didapati. Proses perubahan ini adalah sama ada melalui refleksi dalaman, proses yang dikenali sebagai '*intension*' atau melalui manipulasi luaran yang aktif, proses yang dikenali sebagai '*extension*'.

Daripada kategori-kategori tadi, penggabungan antara pengadaptasian dan perubahan pengalaman menghasilkan pengetahuan yang berbeza. Pengalaman didapati melalui '*apprehension*' dan diubah secara '*intension*' akan menghasilkan pengetahuan '*divergent*'. Pengalaman yang didapati melalui '*comprehension*' dan diubah secara '*intension*' akan menghasilkan pengetahuan '*assimilative*'. Pengalaman yang didapati melalui '*comprehension*' dan diubah secara '*extension*' akan menghasilkan pengetahuan '*convergent*' manakala pengalaman yang didapati melalui '*apprehension*' dan diubah secara '*extension*' akan menghasilkan pengetahuan '*accomodative*'.

### 2.3.1 Empat Kategori Gaya Pembelajaran Kolb

Kolb (1984) membahagikan gaya pembelajaran kepada empat kategori iaitu :

- i. Pengalaman Konkrit (*Concrete Experience, CE*).
- ii. Pemerhatian Reflektif (*Reflective Observation, RO*).
- iii. Pengkonsepsian Abstrak (*Abstract Conceptualization, AC*).
- iv. Pengujikajian Aktif (*Active Experimentation, AE*).

#### 2.3.1.1 Pengalaman Konkrit (*Concrete Experience, CE*)

Individu ini berorientasikan pengalaman konkrit melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti untuk mendapatkan pengalaman baru. Mereka dapat belajar dengan baik melalui membuat eksperimen, kerja lapangan, pemerhatian dan melakukannya dengan menggunakan panca indera (Clark, 1995). Menurut Kolb (1984), individu ini suka membuat perbandingan, bertindak mengikut perasaan dan tidak suka melakukan sesuatu melalui pembacaan. Selain itu, mereka suka berinteraksi dengan maklumbalas, aktiviti kemahiran dan dibimbing kaedah pembelajaran sendiri yang sesuai dengan diri mereka. Hartman (1995) mengelaskan mereka kepada golongan pragmatis. Mereka gemar mencuba sesuatu idea, teori dan teknik sedia ada untuk memastikan samada ia berguna dalam situasi sebenar atau tidak. Mereka berpegang kepada ayat “Selagi sesuatu itu boleh berfungsi, ia adalah baik”.

#### 2.3.1.2 Pemerhatian Reflektif (*Reflective Observation, RO*)

Individu ini berorientasikan pemerhatian reflektif yang suka memikirkan makna sesuatu situasi dan idea. Mereka melihat implikasi sesuatu perkara dari pelbagai perspektif dan menghayatinya dari sudut yang berbeza berdasarkan pengalaman. Mereka dapat belajar



dengan baik melalui penggunaan log, jurnal, kuliah, ceramah dan aktiviti 'brainstorming' (Clark, 1995). Menurut Kolb (1984), individu ini adalah seorang yang reflektif, suka mencuba, introversi, berhati-hati semasa membuat penilaian dan sentiasa merujuk pakar untuk mendapatkan pandangan dan penjelasan. Hartman (1995) berpendapat mereka lebih gemar mengumpul maklumat, menganalisis data serta mengambil masa untuk membuat sesuatu keputusan dan kesimpulan. Apabila reflector bertidak, mereka akan mengambil kira pemerhatian dan pandangan orang lain serta perkara yang sedang dan akan berlaku.

### **2.3.1.3 Pengkonsepsian Abstrak (*Abstract Conceptualization, AC*)**

Individu ini berorientasikan pengkonsepsian abstrak dapat menghasilkan teori dan idea dalam menerangkan pemerhatian yang dilakukan. Mereka dapat belajar dengan baik melalui kuliah, kertas kerja, kerja analogi, pembacaan, simulasi dan kajian kes (Clark, 1995). Menurut Kolb (1984), individu ini adalah seorang yang mempunyai pemikiran logik dan reflektif, penilaian rasional, berorientasikan benda dan symbol, suka situasi pembelajaran yang 'impersonal' iaitu mementingkan teori, idea dan analisis yang sistematik. Hartman (1995) berpendapat mereka cenderung cara pembelajaran yang membantu mereka dengan cara membaca dan berfikir. Cara seperti bercakap dan berbincang tidak sesuai untuk mereka. Mereka dikelaskan kepada individu jenis teori dan bersifat objektif. Rumusan dan kesimpulan seringkali dibuat berdasarkan fakta, analisis dan logik.

### **2.3.1.4 Pengujikajian Aktif (*Active Experimentation, AE*)**

Individu ini berorientasikan pengujikajian aktif yang mahir dalam menjana idea yang bernas dan cekap, menggunakan teori untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan baik. Mereka dapat belajar dengan baik melalui simulasi, kajian kes,

kerja sekolah, eksperimen, perbincangan dan permainan (Clark, 1995). Menurut Kolb (1984), individu ini adalah seorang yang ekstrovert, tidak suka situasi pembelajaran yang pasif seperti kuliah. Selain itu, mereka gemar melibatkan diri dalam situasi seperti penyelesaian masalah, perbincangan dalam kumpulan, maklumbalas dan kerja sekolah. Hartman (1995) berpendapat mereka gemar mencari pengalaman baru, berfikiran terbuka dan teknik sumbang saran serta sesi 'buzz'.

### **2.3.2 Empat Jenis Gaya Pembelajaran Kolb**

Kolb (1984) menggabungkan empat kategori gaya pembelajaran sesama sendiri dan mewujudkan empat jenis gaya pembelajaran iaitu :

- i. Penyesuaian Diri (*Accommodator*).
- ii. Pencapahan (*Diverger*).
- iii. Pemusatan (*Converger*).
- iv. Asimilasi (*Assimilator*).

#### **2.3.2.1 Penyesuaian Diri (*Accommodator*)**

Individu yang cenderung kepada Penyesuaian Diri (*Accommodator*) mempunyai kekuatan dalam melakukan kerja berasaskan rancangan dan eksperimen, sering memajukan diri dengan pengalaman baru, mengadaptasikan keadaan dengan cepat dan menyelesaikan masalah secara intuitif. Mereka mengamati maklumat secara konkrit dan memprosesnya secara aktif. Mereka belajar secara cuba jaya dan penemuan sendiri. Mereka mudah bergaul dengan orang lain tetapi kadang kala akan kurang sabar dan mendesak. Aktiviti yang sesuai dengan orang jenis ini merangkumi menjana idea, melakukan penjadualan, mendapatkan sumber dan membuat keputusan. Mereka sesuai

## RUJUKAN

- Amir, R., Rahman, S., Muhammad, T. A. dan Badusah, J. (2007). "Stail Berfikir Pelajar Kejuruteraan : Kesesuaian Stail Dengan Bidang Pengajian." Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007.
- Anwar, S. (2006). "Kecenderungan Gaya Berpikir Mahasiswa Dan Implikasinya Dalam Metode Perkuliahan." *Jurnal Pembelajaran*. Volume 29 (2).
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2006). "Pelan Induk Pembangunan Pendidikan." Dicapai pada 15 April, 2009, dari <http://www.emoe.gov.my/tayang.php?laman=pipp&unit=kementerian&bahasa=my>.
- Baharin Abu, Othman Md Johan dan Syed Mohd Shafeq Syed Mansor, Haliza Jaafar (2007). "Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, UTM Johor." Dicapai pada 15 April, 2009, dari Jabatan Asas Pendidikan UTM. Artikel VOT 71881.
- Bamidele, Oluranti & Marshaleen, Chinedu (2008). "The Preferred Learning Style Among Residents Of An Internal Medicine Residency Program." *Journal Of The National Medical Association*. **100** (2).
- Chua, Y. P. (2006). "Kaedah Penyelidikan ." Edisi Pertama. Kuala Lumpur : McGraw Hill.
- DePorter, B. & Hernacki, M. (2003). "Quantum Learning : Membiasakan Belajar Nyaman dan Menyenangkan." Bandung : Kaifa.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2003). "Kamus Dewan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dunn, R.,Dunn, Dunn, K. (1999). "The Complete Guide To Learning Styles Inservice System." Boston : Allyn & Bacon.
- Edward de Bono (1970). "Lateral Thinking." 1st Edition. England : Penguin Group.

- Edward de Bono (2000). "Serious Creativity 2 : The Heed For Creative Thinking And The Application Of Creative Thinking." 1st Edition. England : Penguin Group.
- Felder, R. (1993). "Reaching The Second Tier : Learning And Teaching Style In College Science Education." *Journal College Science Teaching*. **23** (5). 286-290.
- Friedman, A., David, W., Croston, J., and Durkin, C. (2002). "Evaluating Online CPD Using Educational Criteria Derived From The Experiential Learning Cycle." *British Journal of Educational Technology*. **33** (4). 367-378.
- Hartman V. F. (1995). "Teaching And Learning Style Preferences : Transitions Through Technology." *VCCA Journal*. **9**. 18-20.
- Healey, M. dan Jenkins, A. (2000). "Learning Cycles And Learning Style : Kolb's Experiential Learning Theory And Its Application In Geography In Higher Education." <http://www.cheltc.ac.uk/el/philg/gdn/discuss/index>.
- Honey, P. dan Mumford, A. (1983). "Using Your Learning Styles." Maidenhead : Peter Honey.
- Ikhasan, M. N. dan Sapar, H. (2007). "Gaya Pembelajaran di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Universiti Tun Hussein Onn." Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007.
- Jantan, R., Nurhaziyanti, Razali, M. dan Lebar, O. (2002). "Mengesakan Perbezaan Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Di Kalangan Pelajar UPSI Program Matematik Dan Sastera." dalam. Nalwi. "Teacher Thinking And Teacher Creativity." Selangor : UPM. 125-139.
- Jones, K.O. and Reid, J.M.V. (2007). "Modifying Teaching to Address Thinking Styles." International Conference on Computer Systems and Technologies CompSysTech'2000.
- Joseph, G. (2000). "Gaya Pembelajaran : Satu Tinjauan Literatur." *Jurnal Pendidikan Tiga ENF*. **2** (3).
- Kolb, D. A. (1984). "Experiential Learning." New Jersey, USA : Prentice Hall.
- Kolb, D. A., Rubin, I. M. and McIntyre, J. M. (1976). "Organization Psychology: A Book of Readings." 2<sup>nd</sup> ed. USA : Prentice Hall.